

Guru ikhlas mengajar raih keberkatan

Tugas seorang guru bukan sekadar pembekal maklumat, tetapi pada masa sama bertanggungjawab menyemai nilai murni dalam diri anak didiknya. Ia satu tugas yang besar seiring ganjaran diperoleh di akhirat kelak.

Kepuasan dan keseronokan tugas seorang guru adalah apabila melihat proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) di dalam kelas berjaya dan menjana kejayaan cemerlang pelajar. Guru yang melaksanakan tugas dengan sambil lewa, tanpa penghayatan tidak mungkin dapat menghasilkan impak didikan yang baik dan bermanfaat.

Guru seperti ini masih wujud di sekolah. Mereka sentiasa mengeluh, mengeluarkan kata-kata negatif, merungut dan tidak puas hati. Seterusnya tugas dianggap beban, membosankan dan mereka sentiasa tertekan.

Kesannya, kehadiran ke kelas tidak disenangi pelajar dan guru ini juga tidak mampu menyayangi pelajarannya. Apabila keadaan ini ber-

laku, mampukah dia merasai ketenangan dan keseronokan bekerja?

Tugas suatu amanah besar

Keberkatan pula terhasil daripada tugas yang dilakukan dalam konsep ibadah kepada Allah SWT dan mengharapkan keredaa-Nya semata-mata. Berkat keikhlasan dalam mengajar, guru akan cuba mengaplikasikan segala ilmu yang dipelajarinya dengan cara terbaik, dengan penuh keyakinan bahawa tugas ini adalah suatu amanah yang besar.

Seorang guru yang baik pasti tidak mengharapkan penghargaan diberikan guru besar atau ibu bapa. Sekiranya tugas dilaksanakan dengan ikhlas, penghargaan Allah SWT adalah satu kepastian dan sebaik-baik ganjaran kerana nilainya melebihi nilaian di dunia. Adanya penghargaan daripada Allah SWT datangnya keberkatan yang mampu membuatkan hati berasa cukup dan ketenangan turut dirasakan.

Keberkatan mengajar dan mendidik bukan terhenti setakat itu sahaja, malah menjana pulangan yang sangat lumayan. Sekiranya amalan baik yang diajar itu diikuti pelajar, maka guru akan dapat pahala yang sama tanpa dikurangkan sedikitpun.

Bayangkan saham yang akan kita peroleh di akhirat sekiranya mendidik beratus-ratus atau beribu-ribu murid sepanjang kerjaya.

Justeru, apa pun sebab kita menjadi seorang guru, akurilah dengan ketentuan takdir kerana itulah yang terbaik untuk kita.

Apabila tugas dilaksanakan dengan ikhlas kerana Allah SWT, ketenangan dan keberkatan akan bertamu di setiap detik usia kita. Alangkah indahnya menjadi seorang guru yang hebat bagi membina generasi yang akan memimpin dunia, insya-Allah.



Nur Fatanah Mohd Nor
Universiti Sains Islam Malaysia

[FOTO HIASAN]



Guru hebat membina generasi akan melahir pemimpin dunia.